

# Ibu cekik mati anak

Wanita alami tekanan perasaan tekup muka zuriat guna bantal

Oleh Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my

## Sepang

**K**ejam dan amat tidak berhati perut apabila seorang ibu muda tergamak menekup dan mencekik anak lelakinya berusia setahun enam bulan hingga mati.

Suspek berusia 20 tahun itu bagaimanapun ditahan bersama teman lelakinya di sebuah kondominium di Cyberjaya di sini, pada 12 Januari lalu.

Difahamkan, suspek bekerja sebagai kerani di sebuah syarikat swasta sedang dalam proses perceraian selepas hampir dua tahun mendirikan rumah tangga bersama suaminya seorang penganggur.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, dalam keterangan awal suspek mendakwa kononnya mangsa terjatuh dari sofa sebelum dihantar ke Hospital Cyberjaya untuk rawatan.

"Sekitar jam 11.30 pagi doktor hospital itu menerima pesakit kanak-kanak lelaki yang dihantar ibunya dalam keadaan ti-

dak sedarkan diri.

"Hasil pemeriksaan awal, doktor itu mendapati ada pendarahan di kedua-dua anak mata yang berkemungkinan disebabkan kesan penderaan dan pesakit berada dalam keadaan kritikal," katanya, semalam.

Wan Kamarul berkata, pihaknya menerima laporan daripada pasukan perubatan Hospital Cyberjaya Ahad lalu selepas kanak-kanak malang itu meninggal dunia selepas tiga hari menerima rawatan.

Sejurus menerima laporan, polis cuba menghubungi kembali ibu mangsa yang juga suspek utama namun gagal, malah wanita itu



*Hasil pemeriksaan awal, doktor itu mendapati ada pendarahan di kedua-dua anak mata yang berkemungkinan disebabkan kesan penderaan dan pesakit berada dalam keadaan kritikal"*

Wan Kamarul Azran

juga tiada di alamat kediaman diberikan.

"Hasil maklumat risikan, polis menyerbu sebuah rumah flat di Putra Perdana, Dengkil dan menahan suspek sekitar jam 12.15 pagi pada 16 Januari. Suaminya turut ditahan pada hari sama," katanya.

Hasil soal siasat suspek mengaku menekup muka mangsa menggunakan bantal semasa anaknya sedang tidur kerana mengalami tekanan perasaan akibat masalah rumah

tangga serta ke-  
luarga.  
"Be-

dah siasat mendapati terdapat kesan kecederaan pada mangsa di bahagian pipi, gusi, dahi dan belakang pelipat kaki kanan.

"Terdapat juga kesan calar di pipi kiri serta lebam di leher dipercayai akibat dicekik.

"Punca kematian disebabkan asfiksia ataupun kekurangan oksigen dipercayai berpunca dari tindakan ibu mangsa menekup muka mangsa," ujarnya.

Katanya, suami suspek yang berusia 20 tahun telah dibebaskan dengan jaminan polis kerana dipercayai tidak terlibat berikutan tiada di lokasi semasa kejadian berlaku.

"Teman lelaki suspek yang juga seorang pelajar kolej berusia 21 tahun bagaimanapun tidak mengaku terlibat.

"Dia hanya hadir ke rumah yang dijadikan rumah inap berkenaan untuk bermalam dengan suspek dan semasa kejadian lelaki berkenaan telah beredar," katanya.

Beliau berkata, suspek dan teman lelakinya direman tujuh hari bermula 16 Januari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (membunuh).

